

# **STPM Kertas 1 2017:**

## **Soalan 2 Jawapan yang dicadangkan**

- (a) Konsep dan prinsip perakaunan yang terlibat bagi susut nilai sebuah aset tetap:

Susut nilai adalah satu belanja perniagaan yang dihitung berdasarkan kepada prinsip perakaunan asas akruan, prinsip pemanfaatan dan prinsip ketekalan. Ia merujuk kepada satu agihan sistematis kos aset tetap sepanjang usia guna aset tersebut dalam entiti perniagaan.

- (b) Empat faktor yang perlu diambil kira untuk menentukan belanja susut nilai pada setiap tahun:

1. Kos aset atau kos perolehan aset

Ini merujuk kepada harga belian selepas ditolak diskon atau rebat dan dicampurkan dengan kos-kos yang berkait secara langsung untuk membawa aset tersebut ke premis perniagaan dan membuatnya beroperasi seperti yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

2. Nilai sisa aset

Nilai ini ditentukan berdasarkan kepada nilai yang boleh diperoleh pada masa kini dengan andaian bahawa aset yang sama dan digunakan selama usia guna ditentukan dijual sekarang.

3. Usia guna aset

Usia guna aset ditetapkan berdasarkan kepada usia guna aset itu kepada entiti perniagaan dan bukan usia guna ekonomi aset tersebut. Usia guna aset kepada entiti perniagaan boleh dianggarkan berdasarkan kepada faktor-faktor seperti keusangan, faedah ekonomi, undang-undang dan sebagainya.

4. Kaedah susut nilai

Kaedah susut nilai perlu dipilih berdasarkan kepada pola penggunaan aset dalam perniagaan. Kaedah garis lurus dipilih apabila pola penggunaan aset adalah sama setiap tahun. Kaedah baki berkurangan dipilih apabila pola penggunaan aset adalah lebih pada tahun-tahun awal dan kurang tahun-tahun akhir.

- (c) (i) Belanja susut nilai Forklift bagi tahun 2015:

Tahun	Pengiraan	Belanja susut nilai (RM)
2012	$(50,000 - 0) \times 20\%$	10,000
2013	$(50,000 - 10,000) \times 20\%$	8,000
2014	$(50,000 - 18,000) \times 20\%$	6,400
<b>2015</b>	<b><math>(50,000 - 24,400) \times 20\%</math></b>	<b>5,120</b>
	Susut nilai terkumpul	29,520

- (ii) Laba atau rugi pelupusan forklif:

$$\begin{aligned} &= \text{Harga jualan} - \text{Nilai bersih aset} \\ &= 18,600 - (50,000 - 29,520) \\ &= 18,600 - 20,480 = \text{RM}1,880 \text{ (rugi)} \end{aligned}$$

- (iii) Peruntukan hutang rugu pada 31 Disember 2015:

$$= (18,100 - 1,500) \times 4\% = \text{RM}664$$

Nilai bersih akaun belum terima:

Akaun belum terima RM16,600

(-) Peruntukan hutang rugu 664

RM15,936

(iv) Catatan jurnal pelarasan:

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
		RM	RM
2015			
Dis 31	Belanja hutang ragu (664 – 366) Peruntukan hutang ragu (Merekod pertambahan dalam peruntukan hutang ragu)	298	298
	Belanja hutang lapuk Akaun belum terima (Merekod penghapusan kira hutang lapuk)	1,500	1,500
	Bank Hutang lapuk terpulih (Merekod penerimaan hutang lapuk terpulih)	750	750
	Susut nilai terkumpul forklif Tunai / Bank Rugi dari pelupusan forklif Forklift (Merekod rugi dari pelupusan forklif)	29,520 18,600 1,880  50,000	